KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | KOSMO | | | |
| TARIKH | : | 21/10/2021 (KHAMIS) | MUKA SURAT | : | 17 |
| JABATAN | : | JAB.PERHUTANAN NEGERI KELANTAN | | | |

Kosmo 21 Okt 2021_17

Kerajaan Negeri Kelantan tunggu laporan rasmi JPNK untuk jalankan siasatan

## 'Ceroboh hutan satu kesalahan besar'

Oleh ROSLIZA MOHAMED

**KOTA BHARU** – Kerajaan negeri masih menunggu laporan rasmi daripada Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) berhubung isu pencerobohan kawasan Hutan Simpan Ulu Galas dekat Kampung Pulai, Gua Musang.

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Mohd. Amar Nik Abdullah berkata, kerajaan negeri sudah ambil maklum mengenai kegiatan pencerobohan hutan simpan di kawasan tersebut dan siasatan akan segera dijalankan selepas menerima laporan terperinci itu.

"Mereka telah menceroboh kawasan hutan simpan tanpa kebenaran dan menanam secara haram. Itu merupakan satu kesalahan besar yang dilakukan oleh mereka.

"Setakat ini, kita masih belum menerima laporan terperinci mengenai perkara itu daripada JPNK," katanya ketika ditemui pemberita selepas



Jangan 'rampas' hasil usaha kami – Pekebun

KERATAN *Kosmo!* 15 Oktober 2021.

Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di Kompleks Kota Darulnaim di sini semalam.

Sementara itu, Pengarah JPNK, Abdul Khalim Abu Samah ketika dihubungi pula memberitahu, pihaknya akan membuat pertemuan dengan Menteri Besar dalam masa terdekat ini.


Akhbar *Kosmo!* sebelum ini melaporkan, lebih 30 pekebun durian musang king dan getah di

> Mereka telah menceroboh kawasan hutan simpan tanpa kebenaran dan menanam secara haram."

Kampung Pulai merayu pertimbangan semula arahan pengosongan kebun seluas 90 hektar yang diusahakan mereka sejak 25 tahun kerana berada dalam kawasan Hutan Simpan Ulu Galas.

Notis dikeluarkan JPNK pada 30 September lalu itu amat mengejutkan kerana hanya selepas 25 tahun, baru mereka dimaklumkan tanah kebun diusahakan selama ini termasuk dalam kawasan yang diwartakan sebagai hutan simpan.

Sehubungan itu, pekebun-pekebun akur dengan arahan JPNK dengan mengosongkan kawasan tersebut dalam tempoh 14 hari notis dikeluarkan.



**KAWASAN Hutan Simpan Ulu Galas dekat Kampung Pulai, Gua Musang yang dijadikan kebun durian musang king dan getah haram sejak 25 tahun lalu.** – AIMUNI TUAN LAH